

# 35 tan sisa pepejal dikutip di Sungai Gombak

[FOTO BERNAMA]



**Pengarah Bahagian Lembangan Sungai, Jabatan Pengairan dan Saliran, Ng Kok Seng (kiri) bersama Azmi (tengah) melawat Sungai Gombak selepas merasmikan Pelancaran Kempen #MYBIJAKSAMPAH di Kampung Kerdas, semalam.**

**Kuala Lumpur:** Peningkatan kuantiti sisa pepejal di Sungai Gombak daripada 23 tan pada 2015 kepada 35 tan tahun lalu, dikhuatiri boleh membantutkan usaha kerajaan memulihkan kualiti air sungai di Lembah Klang.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, Azmi Ibrahim, berkata peningkatan 12 tan sisa pepejal yang dikutip menerusi pemasangan tiga perangkap sampah sejak 2015 menunjukkan trend penjanaan sisa buangan membimbangkan.

Katanya, kualiti air di Sungai Gombak yang berada di kelas III (sedikit tercemar) akan berubah kepada kelas IV (tercemar) sekiranya masalah sisi pepejal tidak dapat diatasi.

Lebih membimbangkan, masalah itu dikhuatiri akan menjejaskan kualiti air di Sungai Klang memandangkan Sungai Gombak adalah antara 11 anak sungai utama sungai itu.

Azmi berkata, JPS Selangor membelanjakan RM60,000 setiap bulan untuk kos penyelenggaraan ketiga-tiga perangkap sampah di Sungai Gombak.

“Perbelanjaan ini menggunakan duit rakyat, jadi kalau kita buang sampah ke dalam sungai, ibarat kita buang duit ke dalam sungai,” katanya pada majlis pelancaran Kempen #mybijaksampah di Kampung Kerdas, di sini, semalam.

## Tahap kesedaran masih rendah

Azmi berkata, JPS merancang memulihkan Sungai Gombak daripada kelas III kepada kelas IIB (sesuai untuk tujuan rekreasi memabatkan sentuhan air).

Namun katanya, tahap kesedaran mengenai pembuangan sisa pepejal masih rendah dalam kalangan rakyat, malah ramai yang tidak sedar bahawa sampah atau sisa pepejal yang dibuang merata seperti di tepi jalan atau ke dalam longkang akan dialirkan ke dalam sungai.

Kempen #mybijaksampah bertujuan mendidik masyarakat untuk mengurangkan pembuangan sisa pepejal di sungai melalui konsep 4R: Mengurangkan (Reduce), Guna Semula (Reuse), Kitar Semula (Recycle) dan Jana Semula (Reloop).